



## SIARAN AKHBAR

### HANTARAN MEDIA SOSIAL TULAR MENGENAI PEMINDAHAN DANA TANPA KEBENARAN

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengambil perhatian mengenai rakaman baru-baru ini yang mendakwa pemindahan dana tanpa kebenaran daripada bank akaun seorang individu yang telah tular di pelbagai platform media sosial di negara ini.
2. BDCB sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa dan pihak yang berkaitan dan akan bertindak sewajarnya untuk mengurangkan sebarang impak kepada pelanggan bank dan sektor kewangan secara menyeluruh.
3. Memastikan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan menjaga sistem kewangannya adalah keutamaan BDCB. Ini termasuk memberi keyakinan dan melindungi kepentingan orang ramai. Dalam memenuhi mandat tersebut, BDCB melaksanakan dasar-dasar dan langkah-langkah untuk mengukuhkan pengurusan risiko dan kawalan dalaman bank-bank dan institusi-institusi kewangan.
4. Dengan peningkatan penggunaan teknologi di dalam sektor kewangan, BDCB menekankan kepentingan terhadap keperluan untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko-risiko yang berkaitan dengan teknologi. BDCB tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana bank dan institusi kewangan yang melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh BDCB. Pada masa yang sama, BDCB memohon kerjasama orang ramai untuk menggunakan perbankan digital dengan penuh bertanggungjawab dan sentiasa memastikan keselamatan maklumat peribadi dan kewangan serta melindungi peranti pintar (*smart devices*) mereka.
5. Orang ramai boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di talian +673 8380007 pada waktu pejabat atau e-mel [fci@bdcb.gov.bn](mailto:fci@bdcb.gov.bn) jika aduan yang dihadapkan kepada institusi kewangan tidak diselesaikan dengan sempurna, atau membuat laporan dengan Pasukan Polis Diraja Brunei sekiranya mereka telah menjadi mangsa aktiviti penipuan.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 25 Ramadhan 1445H / 5 April 2024M  
Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.